

Kerjasama Malaysia-India wujudkan peluang baharu

Lapan MoU dimeterai dalam pelbagai sektor peringkat pembangunan bersama

Oleh Magendran Rajagopal di New Delhi
bhnews@bh.com.my

Lapan memorandum persefahaman (MoU) dimeterai Malaysia dan India di sini semalam, memperkukuh lagi hubungan dua hala yang telah lama sedia terjalina dan perkongsian strategik antara kedua-dua negara.

Ia juga dapat menggalakkan kerjasama merentasi pelbagai bidang dan mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan dan pembangunan bersama. MoU dimeterai merangkumi pelbagai sektor, termasuk pengambilan pekerja asing, perubahan tradisional ayurveda, teknologi digital, budaya, pelancongan dan pentadbiran awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dalam lawatan rasmi tiga hari ke India mulai kelmarin dan rakan sejawatannya dari India, Narendra Modi, bersama-sama menyaksikan majlis memeterai dan pertukaran lapan MoU itu di Hyderabad House.

Hyderabad House digunakan oleh Kerajaan India untuk majlis rasmi negara, terutama mesyuarat peringkat tinggi dan jamuan meraikan tetamu kenamaan asing.

MoU pengambilan, pengajian dan repatriasi pekerja ditandatangani Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dan Menteri Hal Ehwal Luar India, Dr S



Anwar diiringi Modi bersalaman dengan barisan Kabinet India pada sambutan rasmi di Rashtrapati Bhavan, New Delhi. (Foto BERNAMA)

Jaishankar yang turut mewakili India menandatangani MoU ayurveda dan sistem perubahan tradisional dengan Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan.

Mohamad juga menandatangani MoU kerjasama dalam sektor belia dan sukan dengan Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, BN Reddy, manakala Jaishankar mewakili India memeterai MoU kerjasama sektor teknologi digital dengan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Jaishankar turut menandatangani MoU kerjasama bidang budaya, seni dan warisan serta pelancongan dengan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Tiong King Sing, selain MoU dengan Lembaga Perkhidmatan Pusat Kewangan Antarabangsa dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) yang diwakili pengerusinya, Datuk Wan Mohd Fadzmi Che Wan Othman Fadzillah.

Mou pentadbiran awam dan reformasi kerajaan pula ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dengan Setiausaha

Kementerian Luar India Timur, Jaideep Mazumdar.

Pada majlis itu, Pengerusi Bersama Forum CEO India-Malaysia, Tan Sri Kuna Sittampalam menyampaikan Laporan Forum CEO India-Malaysia ke-2 kepada Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Isu G2G harus dipercepat

Sementara itu, ketika sidang media bersama dengan Modi, Anwar berkata mereka sependapat isu membabitkan kerajaan dan kerajaan (G2G) antara kedua-dua negara harus dipercepatkan.

Katanya, isu seperti isu penerbangan, visa dan beberapa aspek lain didapati ada sedikit tertangguh dan perlu disegerakan.

"Saya mengetahui gaya kerja Modi, beliau tidak bertolak ansur dengan kelewatan yang terlalu lama. Jadi, kami meletakkan tempoh masa tiga bulan untuk mendapatkan kakitangan kami melaporkan perkembangan terkini.

"Ini bukan sekadar laporan, sebaliknya laporan kemajuan.

Walaupun teguran saya kecil, tetapi sila yakin bahawa ia merangkumi pelbagai aspek, meliputi pelbagai bidang daripada kesihatan dan pendidikan kepada tenaga dan inovasi digital.

Anwar menegaskan komitmennya untuk membuktikan Malaysia dan India akan muncul sebagai dua negara yang kuat dan mesra dalam jangka masa yang singkat.

Berteraskan kepada penduduk berketurunan India yang terbesar di Asia Tenggara, India turut melihat Malaysia sebagai sasaran pelancongan dua hala yang utama terutama sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Justeru, kata Perdana Menteri, Malaysia telah membuat permintaan untuk trafik udara tambahan hak dan laluan di India, untuk syarikat penerbangan nasional Malaysia.

Mengenai perkara berkaitan imigresen, pada masa ini Malaysia telah diberikan kemasukan tanpa visa untuk warga India dari 1 Disember 2023 hingga 31 Disember 2024, manakala India telah menetapkan yuran visa e-Pelancong dari 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2025.